

## **Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Penambahan Program Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 (Diploma) Kerangka  
Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) untuk  
Dinilai oleh Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT)  
[Surat Makluman MQA Bil. 14/2025 bertarikh 18 Ogos 2025]**

### Ringkasan ketetapan

- i. Penambahan program Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 (Diploma) Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) untuk dinilai oleh Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) dan proses penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh di bawah penilaian LJT yang diterima daripada PPT termasuk PPT berstatus swaakreditasi berkuat kuasa pada **18 Ogos 2025**.
- ii. MQA telah mengeluarkan surat pemakluman dengan nombor rujukan MQA.600-1/5/20(3) bertarikh 15 Februari 2024 berkaitan pelaksanaan penilaian baharu bagi Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 (Diploma) MQF akan dinilai oleh MQA atau PPT berstatus swaakreditasi.
- iii. Terdapat beberapa pindaan dalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 309] yang antaranya adalah melibatkan pendaftaran pembantu yang mempunyai kelulusan program ukur tanah atau geomatik di Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 (Diploma) MQF. Perkara ini telah dinyatakan di bawah Peraturan 24A, Bahagian VA, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024. Ini adalah berdasarkan pindaan terhadap Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458] dan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Lanjutan daripada itu, Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [Akta A1730] dan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 309] telah diwartakan pada 22 Oktober 2024 yang mana berkuat kuasa mulai 23 Oktober 2024.
- iv. Sehubungan itu, proses penilaian program bidang ukur tanah dan geomatik Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 (Diploma) MQF yang sebelum ini dilaksanakan oleh MQA akan dipertanggungjawabkan kepada LJT berdasarkan ketetapan berikut:
  - (a) Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi program Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 (Diploma) MQF di bawah penilaian LJT yang diterima daripada PPT termasuk PPT berstatus swaakreditasi akan bermula dari tarikh surat pemakluman MQA Bil. 14/2025.
  - (b) Program yang telah mendapat Akreditasi Penuh MQA termasuk PPT berstatus swaakreditasi, PPT perlu mengemukakan permohonan untuk penilaian akreditasi semula oleh LJT. Tempoh transisi penghantaran permohonan akreditasi semula secara berperingkat adalah lima tahun dari tarikh surat pemakluman MQA Bil. 14/2025 agar pihak PPT dapat membuat perancangan sewajarnya. Walau bagaimanapun, pihak PPT adalah disarankan untuk mengemukakan permohonan akreditasi semula di bawah penilaian LJT dengan kadar segera tanpa perlu menunggu sehingga tamat tempoh peralihan. Langkah ini bertujuan untuk memudahkan perancangan proses penilaian

semula oleh pihak LJT, serta mengelakkan sebarang kelewatan proses penilaian sekiranya semua permohonan dikemukakan pada saat akhir tempoh tersebut.

- v. Maklumat berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

#### Tindakan di peringkat UPM

- vi. Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina atau PTJ lain yang menawarkan program di bawah penilaian LJT perlu merujuk kepada ketetapan ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan terkini MQA dan LJT.
- vii. UPM perlu mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan pembaharuan Akreditasi Penuh bagi program bidang ukur tanah dan geomatik kepada MQA dengan menggunakan borang, fi perkhidmatan MQA dan format dokumen penilaian seperti ketetapan dalam Surat Makluman MQA Bil. 14/2022 Kaedah Baharu Penyerahan Dokumen Permohonan kepada MQA dengan nombor rujukan MQA.100-1/7/2Jld.5(17) bertarikh 7 Disember 2022.

Disediakan oleh:  
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
Tarikh Kemas Kini: 4 September 2025